

Penerapan Aqidah Tauhid Dalam Kalangan Kepemimpinan Pendidikan

Oleh

Dr. Ahmad Marzuki bin Mohamad¹
PM Dr. Ajmain @ Jimaain bin Safar²
Dr. Wan Hasan Wan Embong³
Dr. Zairus Norsiah Azahar⁴

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penerapan prinsip akidah tauhid dalam kalangan kepimpinan pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Kajian secara kualitatif ini menggunakan instrumen secara temu bual dan pemerhatian. Responden dalam kajian ini melibatkan seramai lapan orang pengetua yang dipilih secara persempelan kluster yang mewakili sekolah di zon barat dan utara Semenanjung Malaysia. Hasil kajian mendapati kepimpinan di SMKA telah berjaya mengaplikasikan prinsip akidah tauhid dalam kepimpinan mereka dengan merencanakan pelbagai aktiviti yang melibatkan keseluruhan warga sekolah. Kewujudan suasana persekitaran yang mendekatkan warga sekolah dengan cara hidup Islam di lihat telah berjaya mempertingkatkan jati diri murid dan kepimpinan sekolah kajian.

Kata kunci : Kepimpinan Islam, akidah tauhid

ABSTRACT

This study aims to identify the principles of tauhid in the leadership practices of the principals of SMKA, (Malaysian National Religious School). This qualitative study uses interviews and observation as data collection instrument. Chosen by cluster sampling, respondents in this study were eight principals that represented the schools in western and northern zones of Peninsular Malaysia. The findings showed that these SMKA principals successfully inculcate the principles of tauhid in their leadership through various school activities involving the whole school community. It was also found that the school environment that was created through the teachings of Islam as a way of life has been able to improve the school pupils' self-esteem and leadership.

Key word : Islamic leadership, the principles of tauhid

¹ Fakulti Tamadun Islam, UTM

² Fakulti Tamadun Islam, UTM

³ Fakulti Tamadun Islam, UTM

⁴ Akademi Bahasa, UTM

1. Pendahuluan

Pembudayaan negara yang menitikberatkan Islam pada hari ini menunjukkan akan keperluan institusi pendidikan Islam diberi nafas baru untuk bersama-sama membangun dalam arus globalisasi yang melanda era ilmu termasuk bidang pendidikan. Gaya kepemimpinan pengetua, perkembangan kurikulum, kaedah pengajaran dan pembelajaran perlu kembali berteraskan prinsip-prinsip murni Islam tanpa mensisihkan kepentingan teknologi moden yang mendominasi arus perdana. Dalam konteks ini, kepemimpinan pengurusan pendidikan kini perlu seiring dengan arus pengurusan moden serta menterjemahkan gaya kepimpinan berteraskan Islam yang ternyata boleh memberikan impak yang besar kepada peningkatan akademik dan keperibadian murid. Gaya kepimpinan yang berpegang kepada kepimpinan Islam secara teoritikal di jangka mampu menterjemahkan kehebatan Islam, keunikan akhlak dan *role model* kepada masyarakat keseluruhannya (al-Buraey, 1985; Jabnoun, 1994; Danial, 2004; dan Adnan, 2006). Justeru itu, Islam meletakkan matlamat kepimpinan mestilah memenuhi maksud *al-Falah* ia itu kejayaan di dunia dan akhirat

□ □ □ □ □ □ □ □ □ □ □ □ □ □ □ □
□ □ □ □ □ □ □ □ □ □ □ □ □ □ □ □

Dan tuntutan dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan

al-Qasas 28:77

Oleh itu pengabaian salah satu daripada maksud *al-Falah* tersebut merupakan satu penyimpangan pada hakikat dan falsafah kepimpinan dalam Islam

2. Kepimpinan Dalam Islam

Kepimpinan menurut bahasa Arab merujuk kepada istilah-istilah yang diertikan sebagai *al-khilafah*, *al-Imamah*, *al-Wali*, *al-Riyasah* dan *al-Zaamah*. Menurut al-Quran, kepimpinan dan Islam tidak dapat dipisahkan

khalifah-khalifah yang berkuasa; dan Ia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diarahkannya untuk mereka; dan Ia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). Mereka terus beribadat kepadaKu dengan tidak mempersekutukan sesuatu yang lain denganKu. Dan (ingatlah) sesiapa yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang derhaka.

al-Nur 24:55



Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku

al-Zariyat 51:56

Kepimpinan Islam itu adalah satu proses mengerakkan sekumpulan manusia menuju ke suatu arah yang telah ditentukan melalui dorongan yang tidak memaksa. Secara jelasnya, kepemimpinan Islam berjalan secara terbuka dan penuh dengan semangat persaudaraan antara pemimpin dan pengikut. Islam secara umumnya memberikan penekanan utama terhadap persoalan kepemimpinan kerana tanpa adanya elemen kepemimpinan, urusan pentadbiran agama dan bangsa tidak dapat dijalankan dengan sempurna (Ibn Taimiyyah, 1971). Kepentingan kepemimpinan ini juga terbukti apabila Rasulullah SAW mengesyorkan agar dilantik seorang pemimpin ketika bermusafir walaupun dalam kumpulan yang kecil.

“Apabila tiga orang keluar bermusafir maka lantiklah ke atas mereka seorang untuk menjadi ketua.”

Riwayat Abu Daud

Rasulullah SAW turut menggambarkan bahawa semua individu muslim itu dianggap sebagai khalifah atau pemimpin dan dipertanggungjawabkan terhadap mereka yang berada di bawah kepimpinannya sama ada mereka sebagai ketua negara, isteri, anak ataupun hamba.

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ فَالْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالرَّجُلُ فِي أَهْلِهِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْمَرْأَةُ فِي بَيْتِ

dan Dia lah sahaja) Yang Mempunyai Kekuasaan yang tidak terhingga, lagi Yang Maha Kuat Kukuh kekuasaannya

al-Zariyat 51:56-58

Pandangan hidup berakidah ini diasaskan kepada tiga asas utama iaitu iman, ilmu dan amal. Dalam konteks kepimpinan Islam kesemua asas-asas ini perlu dibina oleh kepimpinan tersebut untuk mewujudkan satu organisasi yang menghayati nilai-nilai tauhid yang di syariatkan dalam ajaran Islam sebagaimana firman Allah SWT:

□ □ □ □ ي ي ي ي ي □ □ □

Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya dan takut melanggar perintah Allah serta, menjaga dirinya jangan terdedah kepada azab Allah, maka merekalah orang-orang yang beroleh kemenangan

al-Nur 24:52

اِنَّ اَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

Katakanlah: "Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam

al-An'am 6:162

Dalam menjelaskan pengertian iman, Al-Qaradhawi (2006) menyatakan bahawa iman bermaksud kepercayaan yang meresap ke dalam hati dengan penuh keyakinan dan memberikan pengaruh terhadap pegangan hidup, tinggah laku dan perlakuan seharian. Juateru itu, Rasulullah SAW mengungkapkan bahawa mereka yang dapat merasai kemanisan dan kehebatan iman adalah merupakan golongan yang meredai Allah SWT sebagai *Rabb* dan Muhammad SAW sebagai rasul-Nya.

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثَلَاثٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ وَجَدَ حَلَاوَةَ
الْإِيمَانِ أَنْ يَكُونَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا وَأَنْ يُحِبَّ الْمَرْءَ
لَا يُحِبُّهُ إِلَّا لِلَّهِ وَأَنْ يَكْرَهُ أَنْ يَعُودَ فِي الْكُفْرِ كَمَا يَكْرَهُ أَنْ يُقْدَفَ فِي
النَّارِ

Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Ada tiga perkara yang jika seseorang melaksanakannya, ia mendapat kemanisan iman, Allah dan Rasul-NYA lebih ia cintai daripada selain keduanya, ia mencintai seseorang dengan tiada dorongan selain karena Allah, dan benci kembali kepada kekafiran sebagaimana kebenciannya untuk dilempar ke neraka.

Riwayat Bukhari 1995:6428

Perjalanan sirah Rasulullah SAW urut menggambarkan bagaimana baginda SAW sebagai pemimpin yang telah mempertahankan prinsip keimanan daripada dihina oleh musuh-musuh Islam. Dalam satu peristiwa seorang wakil kaum Quraish, Utbah bin Rabi'ah telah bertemu Rasulullah SAW dan menawarkan kepada baginda harta yang banyak, perempuan-perempuan dan kedudukan jawatan yang tinggi dalam kalangan kaum mereka dengan syarat baginda berhenti daripada menyeru manusia beriman kepada Allah SWT tetapi demi menjaga akidah Islam, baginda menolak tawaran tersebut (al-Buti, 2000). Oleh itu, untuk memelihara iman, seseorang itu perlu memiliki ilmu pengetahuan. Allah SWT melarang umat manusia mengikuti sesuatu tanpa mempunyai maklumat yang jelas tentang perkara tersebut

لَا يَأْتِيكُمُ الْغَيْبُ إِلَّا فِي كِتَابٍ مُّبِينٍ

Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya

Al-Isra 17:36

كُلُّ شَيْءٍ عِنْدَ اللَّهِ بِوِزْنٍ

Dan demikian pula di antara manusia dan binatang-binatang yang melata serta binatang-binatang ternak, ada yang berlainan jenis dan warnanya? Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hambanya hanyalah orang-orang yang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun

al-Fathir 35:28

Kesemua ayat di atas membawa satu kefahaman bahawa manusia akan berada dalam kerugian sekiranya sesuatu yang diikuti atau dipraktikkan tanpa mempunyai sandaran

pengetahuan dan maklumat yang tepat. Ilmu dalam situasi tersebut menurut al-Ghazali (1984) bermaksud tersingkapnya sesuatu dengan jelas sehingga tidak ada lagi ruangan untuk merasa keraguan sebaliknya yang timbul adalah keyakinan. Berasaskan kepada *tasawwur* tersebut, maka barulah manusia mampu membina tanggungjawab beribadat kepada Allah SWT dan memakmurkan muka bumi ini dengan risalah Islam. Justeru itu, kombinasi antara iman dan ilmu, maka lahirlah amal yang menggerakkan keperluan pelaksanaan tuntutan akidah dalam kehidupan seperti melakukan segala amal-amal soleh yang diperintahkan oleh al-Quran. Al-Qaradhawi (2010) menjelaskan bahawa iman dan ilmu akan melahirkan sifat-sifat yang membawa kepada terbentuknya akhlak yang soleh sama ada dalam keluarga, masyarakat, sesama umat Islam dan juga terhadap bukan Islam. Keimanan dan keilmuan ini juga akan meletakkan mereka agar sentiasa menjaga amal, ketaqwaan dan akhlak mereka sejajar dengan tuntutan ajaran Islam.

4. Metodologi dan Sampel Kajian

Kajian secara kualitatif ini menggunakan temu bual separa berstruktur dan pemerhatian untuk menjawab persoalan kajian tentang bagaimana pengetua-pengetua mengaplikasikan akidah tauhid dalam kepimpinan. Seramai lapan orang pengetua daripada lapan buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) zon utara dan barat Semenanjung Malaysia telah dipilih sebagai responden kajian. Dalam kajian ini, kaedah persampelan kluster digunakan kerana pemilihan sampel adalah berdasarkan kepada pembahagian mengikut zon. Penyelidik menggunakan kaedah ini kerana semua pengetua dan guru di SMKA mempunyai ciri-ciri yang sama iaitu berlatar belakang suasana sekolah agama yang menekankan penghayatan amalan cara hidup Islam, pengetua yang mempunyai latar belakang pendidikan Islam dan kesemua sekolah tersebut juga merupakan sekolah bantuan penuh kerajaan.

5. Dapatan kajian dan Perbincangan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati pengetua di SMKA telah mempraktikkan prinsip akidah tauhid dalam kepimpinan mereka. Pelaksanaan prinsip akidah tauhid ini di dapati telah berjaya membentuk satu paradigma yang membawa kepada kepatuhan warga sekolah terhadap kebesaran Allah SWT. Dapatan kajian ini telah menyokong dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji-pengkaji kepimpinan Islam sebelum ini seperti al-Arkoubi (2008), Elsegeiny (2005), Adnan (2007), Alderwess (2003) dan Appleaum (2009) yang menyatakan bahawa pelaksanaan prinsip akidah tauhid dalam kepimpinan telah berjaya mewujudkan satu suasana organisasi yang solehah dan secara tidak langsung telah meningkatkan lagi kefahaman dan penghayatan terhadap ajaran Islam dalam kalangan warga organisasi.

Persoalan akidah merupakan perkara asas dalam kehidupan seorang Islam kerana ia membicarakan hubungan antara seorang hamba dengan Penciptanya (Al-Zariyat 51:56-58). Dalam kajian ini, pengetua SMKA didapati sentiasa berusaha menjadikan sekolah mereka sebagai sebuah institusi yang sentiasa subur dengan suasana ketundukan dan kepatuhan terhadap Allah SWT. Sebagai pemimpin utama di sekolah, mereka telah berjaya membina minda guru dan murid melalui tazkirah ataupun majlis-majlis ilmu yang membincangkan tentang kepentingan menghayati Islam sebagai satu cara hidup. Pengetua sendiri didapati telah memainkan peranan yang aktif membimbing guru-guru dalam majlis-majlis ilmu yang diadakan. Persepsi penghayatan terhadap Islam ini bukan sahaja ditekankan dalam kawasan sekolah tetapi menjurus kepada penghayatan dalam kehidupan seharian komuniti sekolah pada setiap waktu dan tempat. Dapatan ini turut menyokong dapatan kajian Al-Arkoubi (2008) yang mendapati bahawa kepimpinan yang sentiasa memperingatkan ahli organisasi tentang keperluan membina dan menghayati hubungan dengan Pencipta akan membentuk wujudnya rasa selamat, ketenangan dan keazaman yang tinggi dalam kalangan ahli organisasi. Secara khusus, pendedahan terhadap tanggungjawab manusia terhadap Pencipta telah berjaya membentuk kesedaran yang tinggi dalam kalangan guru untuk menunaikan amanah pekerjaan dengan lebih sempurna.

Penyuburan budaya penghayatan al-Quran dan pembacaan *asma al-Husna* dalam kawasan sekolah didapati turut memainkan peranan mendekatkan jiwa ahli organisasi terhadap kebesaran *al-Khalik*. Penghayatan al-Quran ini direalisasikan melalui pembacaan, terjemahan dan *taddabbur* setiap kali sebelum mesyuarat guru atau ketika majlis perhimpunan murid diadakan. Kajian juga mendapati bahawa kecenderungan pengetua memetik ayat-ayat al-Quran ketika memberikan ucapan telah berjaya memberikan satu impak yang besar terhadap ahli organisasi kerana mereka merasakan di sebalik ucapan pengetua terdapatnya sokongan daripada ayat-ayat Allah SWT. Melalui kaedah ini, secara tidak langsung hujah-hujah yang disampaikan tidak lari daripada pandangan agama Islam. Dapatan ini mempunyai persamaan dengan hasil dapatan Applebaum (2009) dalam kajiannya terhadap pemimpin Islam di Timur Tengah yang mendapati kepimpinan Islam perlu kembali kepada kepimpinan *rabbani* yang sentiasa merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah dalam berhujah dan memberikan pandangan.

Kesungguhan melaksanakan amanah memimpin ahli organisasi menghayati akidah tauhid turut diterjemahkan melalui penghayatan ibadat solat berjamaah bersama-sama warga sekolah. Kajian mendapati bahawa pengetua kerap bersama-sama guru dan murid solat berjamaah pada waktu zohor dan asar di surau sekolah. Sementara pengetua lelaki yang tinggal dalam kawasan sekolah didapati turut bersama-sama murid mengimarahkan surau pada waktu malam. Sifat yang diperlihatkan oleh kepimpinan sekolah ini telah membuktikan *iltizam* mereka menghayati ajaran Islam dan seterusnya menjadi contoh kepada warga sekolah keseluruhannya. Selain itu, kedapatan pengetua yang memperuntukkan waktu untuk murid-murid mengerjakan solat sunat *Dhuha* semasa waktu rehat sekitar 10 minit. Situasi ini jelas memperlihatkan bagaimana penyuburan akidah sentiasa diambil berat oleh kepimpinan di SMKA. Justeru itu dapatan

tersebut didapati menyokong dapatan kajian Adnan (2006) di 12 buah sekolah Islam di Michigan, Amerika Syarikat dan kajian oleh Hidris (2007) di Sekolah Menengah Tinggi Agama Johor yang mendapati sumber kekuatan utama kepimpinan di sekolah mereka adalah sentiasa menjaga hubungan dengan Allah SWT.

6. Penutup

Secara kesimpulannya kajian ini mendapati kepimpinan SMKA telah berjaya mewujudkan satu suasana persekitaran sekolah yang solehah dan harmonis sehingga melahirkan sifat kasih sayang, hormat menghormati antara komuniti sekolah dan seterusnya telah mempertingkatkan pembentukan sakhshiah dan peningkatan akademik murid. Berdasarkan kepada premis tersebut, dapatan kajian menunjukkan bagaimana suasana ini telah menjadi pemangkin kepada kejayaan SMKA melahirkan teknokrat yang mempunyai kefahaman Islam yang mendalam.

7. Rujukan

- Al-Quran. (1993). *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran 30 Juzuk*. Pusat Islam Kuala Lumpur: Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri.
- Ab. Halim Tamuri & Azhar Ahmad. (2004). Enhancing Teacher Professionalism: The tawheedic Paradigm. Dalam Ahmad Sunawari Long et. al. *The International Seminar on Islamic Thought Proceeding*. Department of Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi, 297-303.
- Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail (2002). Pendidikan Akhlak Dalam KBSM: Persepsi Pelajar Terhadap Konsep Akhlak. Dalam *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 1): Kurikulum Bersepadu Pendidikan Islam Menghadapi Cabaran Era Globalisasi*. Bangi: Fakulti Pendidikan.
- Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail. (2006). " Nilai Akhlak dan Pengaruh Media Massa di Kalangan Remaja Islam Luar Bandar. *Jurnal Islamiyyat*. 27/1.
- Ab. Halim Tamuri, & Khadijah Abdul Razak. (2003). Pengajaran akhlak Di Sekolah Menengah: Persepsi pelajar-pelajar. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 3): Antara Tradisi dan Inovasi*. Bangi, Selangor: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abang Haji Atei Abang Medaan. (1992). *Matlamat dan masa depan sekolah-sekolah agama Islam di Sarawak*. Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Abdul Ghafar Don, Berhanundin Abdullah & Zulkiple Abd. Ghani. (2000). *Dakwah Dan Pengurusan Islam Di Malaysia: Konsep dan Pelaksanaan*. Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman Hamid. (1996). Administrative Responsibility: An Islamic Perspective. *The American Journal of Islamic Social Sciences*, 12(2), 185-203.
- Abul Hassan Nadwi. (1980) “*Islam and The World*’ (terj. Mohmammad Asif Kidwi) Lucknow : Academy of Islamic Research and Publications,
- Achmat Salie. (2008). *Servant-minded leadership and Work Satisfaction In Islamic Organizations: A Correlational Mixed Study*. PhD Dissertation, University of Phoenix, USA, tidak diterbitkan.
- Adnan Aabed. (2006). *A study Of Islamic Leadership Theory and Practice in K-12 Islamic Schools in Michigan*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Brigham Young University. Tidak diterbitkan.
- Affandi Hassan. (1991). *Kecemerlangan Pentadbiran: Dasar dan Amalan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia.
- Ahmad Abd al-Mun'im al-Badri. (1996). *Tanzim Haraki Dalam Islam*. Malaysia: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Akhtar, S.W. (1997). The Islamic Concept of Knowledge. *Al-Tawhid: A Quarterly Journal of Islamic Thought & Culture*. 12 (3).
- Al-Aani, Ziyad Mahmud. (2000). *Asalib al-Dakwah wa al-Tarbiyah fi al-Sunnah al-Nabawiyah*. Jordan:Dar Ammar.
- Al-Abrasyi, Mohd Atthiyah. (1969). *At Tarbiyyah al islamiyyah Wa Falasifatuha*. Kaherah: Isa Al Babi al Halabi Wa Syurakahu.
- Al-Asbahi, Malik bin Anas. (1971). *Muwatta al-Imam Malik*. Kaherah: Dar Ihya' at-Turath Al-Arabi.
- Al-Bukhari, Muhammad Ismail.(1987). *Sahih al-Bukhari*. Kaherah: Dar al-Syab.
- Beekun, R.I. & Badawi, J. (1999). *Leadership: An Islamic Perspective*. Beltsville, Maryland: Amana Publications.
- Berhanundin Abdullah. (1977). *Amal Jamaie Dalam Organisasi Islam*. Besut: Zabib Enterprise.
- Chowdbury, N. (2001). *Leadership strategies and global unity for the 21st century: An Islamic perspective*. Paper presented at the IGS-ICOJ International Conference on leadership and unity in Islam, Kobe, Japan: Writers Club Press.
- Ciulla, J. B. (2004). Ethics And Leadership Effectiveness. Dalam J. Antonakis, A. T. Cianciolo, & R. J. Sternberg, *The Nature Of Leadership*. Thousand Oaks, CA: Sage

- Hussein Mahmood. (2008). *Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah*. (Ed. ke-2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hughes, T. A. (2006). A National Perspective: An Exploration of Professional Learning Communities and The Impact On School Improvement Efforts. *National Journal for Publishing and Mentoring Doctoral Student Research*, 1, 1-12.
- Ibn Katsir, Ismail. (1978). *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. Beirut : Dar al-Kutub al-‘ilmiyyah.
- Ibn Khaldun, Rosenthal, F. & Dawood, N.J. (1967). *The Muqaddimah: An Introduction to History*. (429). USA: Princeton University Press.
- Ibn Khaldun, Abdul Rahman. (1960) *Muqaddimah*, Kaherah: Dar Ihya’ al-Kutub al-Arabiah.
- Ibnu Taimiyyah. (1971). *Al Siyasa al Syari’at fi Islah al Ra’ie wa al Ra’yat*. Beirut: Dar al Sha’ab.
- Ibrahim Mamat. (1997). *Memimpin Remaja Sekolah: Teori dan Praktik*. KL: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kadir, A.A. (1973). Islamic Leadership and Personality From Man to Mankind. *Al-Ittihad*, 10(1), 9-10.
- Kamal A. Faruki. (1971). *The Evolution of Islamic Constitutional Theory and Practice*. Karachi: National Publishing House Ltd.
- Katrina, J. (2008). *Profesional Learning Communities: A Case Study*. USA: Louisiana Tech University.
- Kathir, al-Hafiz Abu al-Fida’. (1990). *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. Kairo: Dar al-Fikr al-Arabi.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2008). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. Putrajaya: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Muhammad Munir al-Ghadban. (2003). *Manhaj Haraki Dalam Sirah Nabi SAW*. Malaysia: Pustaka Darulssalam Sdn. Bhd.
- Muhammad Sa’id Ramadan al-Buti. (2000). *Fiqh Al-Sirah 2*. Malaysia: Dewan Pustaka Fajar.
- Said Hawwa. (2005). *Al-Mustakhlash fi Tazkiyah al-Anfus*. Qahirah: Dar al-Salam.
- Saiyid Sulaiman Nadwi. (1977). *Muhammad The Ideal Prophet: A Historical, Practical, Perfect Model for Humanity*. Malaysia: Islamic Book Trust.
- Salah Al Din Juhur. (1984). *Muqaddimah Fi Idarah Wa Tanzim al-Ta’lim*. Al Qairah: Dar al-Kutub.